

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA  
TARIKH : 04 SEPTEMBER 2016

## Daftar larian Fun Run - Alam Impian Township of The Art Shah Alam

**SHAH ALAM 3 Sept.** - Orang ramai dipelawa untuk mendaftar bagi menyertai Fun Run - Alam Impian Township of The Art Shah Alam di Taman Alam Impian, Seksyen 35 di sini pada 16 Oktober depan, yang menerapkan elemen seni dan berlatar belakang kehijauan alam sekitar.

Pengurus acara larian itu, Hawaliza Awaluddin berkata, setakat ini, kira-kira 700 orang telah mendaftar untuk menyertai larian yang terbuka kepada rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan penyertaan terhad kepada 1,500 peserta terawal.

Katanya, penyertaan acara la-

rian yang dibuka sehingga 15 September ini adalah anjuran pertama kali syarikat pemaju hartanah, I&P Group Sdn. Bhd. (I&P Group) sempena 10 tahun pembukaan kawasan perbandaran itu.

"Lokasi Alam Impian amat strategik untuk melakukan aktiviti riadah kerana ia beridentitikan seni dan landskap yang menarik. Malah, kediaman di perbandaran ini sangat selesa dan penah dengan elemen seni.

"Selain itu, terdapat tasik yang indah di tengah Taman Bandar seluas 12.54 hektar dan dihiasi dengan landskap yang menarik. Lebih mengagumkan lagi, jalan

raya yang besar dan trek jogging yang selesa turut tersedia di sini," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Hawaliza berkata, halaman luas yang ditanam dengan aneka flora dan fauna terawat dan penataan pokok dan tumbuh-tumbuhan yang rapi memudahkan peserta untuk mempelajari nama 45 jenis spesies pokok hutan ketika menyertai acara larian ini nanti.

"Penduduk di perbandaran ini amat bertuah kerana tidak perlu mencari kawasan beriadah di luar kerana pemaju telah menyediakan kemudahan yang luas dan

suasana tenang dengan kedamaian alam semulajadi.

"Dengan tasik yang dikelilingi kira-kira 1,600 batang pokok hutan, pelbagai spesies burung turut menjadikannya sebagai tempat migrasi dan ini adalah sesuatu yang jarang didapati di perbandaran lain," katanya.

Sementara itu, Hawaliza berkata, pihaknya masih lagi membuka pendaftaran untuk larian itu dan orang ramai yang ingin menyertainya boleh mendaftar secara atas talian di laman Facebook iaitu Fun Run - Alam Impian Township of The Arts 2016 atau di laman [web allegrocircle.com/event/](http://web.allegrocircle.com/event/)

[alamimpian2016](http://alamimpian2016).

"Yuran penyertaan hanya RM50 setiap peserta dan mereka akan menerima sehelai baju T jenama Brooks bernilai kira-kira RM70, baucer pembelian barangan sukan jenama Brooks bernilai RM160, barangan kesihatan dan beberapa barangan lain," katanya.

Hadiah yang ditawarkan ialah RM600 bagi tempat pertama, kedua RM500, ketiga RM400, keempat RM300, kelima RM200 dan tempat keenam sehingga ke-10 sebanyak RM100 bagi kedua-dua kategori iaitu lelaki dan wanita.



HAWALIZA AWALUDDIN dalam sidang akhbar mengenai Fun Run - Alam Impian Township of The Art Shah Alam di Shah Alam, Selangor semalam.